



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK SHARIZAN BIN AHMAD (ABON)  
PELAKON, PELAWAK DAN USAHAWAN

OLEH:

NUR DYANA BINTI MOKHTAR	2019218228
SITI NUR HADIYAL HUDA BINTI AZMI	2019229016

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2021 – FEB 2022)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK SHARIZAN BIN AHMAD (ABON)  
PELAKON, PELAWAK DAN USAHAWAN**

**OLEH:**

<b>NUR DYANA BINTI MOKHTAR</b>	<b>2019218228</b>
<b>SITI NUR HADIYAL HUDA BINTI AZMI</b>	<b>2019229016</b>

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2021 – FEB 2022)**

# PENGHARGAAN

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, bersyukur kami kehadrat Illahi atas limpah dan kurnianya kami dapat menyelesaikan projek sejarah lisan ini dengan jayanya. Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada Encik Sharizan bin Ahmad, kerana sudi untuk menjadi responden kami bagi projek sejarah lisan ini. Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Puan Nor Kamariah binti Chik selaku pensyarah bagi subjek Dokumentasi Lisan (IMR 604) kerana tunjuk ajar dan bimbingan daripada beliau kami dapat menghasilkan sebuah transkrip temubual dengan jayanya. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan seperjuangan kami atas sokongan dan pandangan secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang proses pembikinan transkrip ini selesai. Akhir sekali, ucapan kepada kedua ibu dan bapa kami dan semua ahli keluarga kami atas sokongan dan memahami keadaan yang kami tempuh suka dan duka ketika itu. Diharap agar hasil transkrip ini dapat memberi sedikit sebanyak maklumat yang berguna kepada pembaca dan juga dapat memberi manfaat kepada setiap individu di masa hadapan.

# **ABSTRAK**

## **ABSTRAK**

*Abstrak: Temubual ini adalah antara tokoh iaitu Sharizan bin Ahmad atau lebih dikenali sebagai Abon dan pelajar iaitu Nur Dyana binti Mokhtar dan Siti Nur Hadiyal Huda binti Azmi untuk subjek IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan. Beliau merupakan seorang seniman yang masih aktif dalam bidang seni hiburan iaitu sebagai pelakon dan pelawak. Beliau juga turut aktif dalam bidang seni teater. Kajian ini menceritakan tentang latar belakang Abon yang tidak diketahui umum dan sejarah hidup beliau sebelum atau sepanjang terlibat dalam bidang tersebut. Selain berkecimpung dalam bidang seni hiburan, beliau turut bergelar seorang usahawan yang berjaya di Malaysia iaitu menceburi bidang perniagaan dengan mengeluarkan produk makanan kesihatan jenamanya sendiri dan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada peminat dan orang ramai. Satu senarai soalan telah disediakan untuk diajukan kepada seniman yang merangkumi beberapa bahagian termasuk latar belakang, kerjaya, pencapaian dan anugerah yang telah diperolehi oleh seniman yang dipilih. Justeru itu, temubual ini dapat merungkai latar belakang dan sejarah penglibatan Abon dalam bidang seni hiburan.*

*Kata kunci: sejarah lisan, seniman, pelakon, pelawak, seni hiburan*

*Abstract: The interview was conducted between the figure which is Sharizan bin Ahmad or known as Abon with the students, Nur Dyana binti Mokhtar and Siti Nur Hadiyal Huda binti Azmi for subject IMR604, Oral History Documentation. He is an artist who is still active in the field of entertainment arts as an actor and comedian. He is also active in the field of theater arts. This oral study was conducted to know about the background of Abon which is not known to the public and his life history before or during his involvement in the field. Apart from being involved in the entertainment arts, he is also a successful entrepreneur in Malaysia, which is to venture into business by producing his own brand of health food products and has received a very encouraging response from fans and the public. A list of questions has been prepared to be posed to the artists covering several sections including background, career, achievements and awards that have been earned by the artists. Therefore, this interview can unravel the background and history of Abon's involvement in the field of entertainment arts.*

*Keywords: oral history, artist, actor, comedian, entertainment arts*

# **ISI KANDUNGAN**

# **ISI KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA</b>
	<b>SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Abstrak .....	iii
Isi Kandungan .....	vi
Senarai Abreviasi .....	viii
Biodata Tokoh.....	ix
Pengenalan.....	xi
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Kerjaya.....	10
Bahagian 3: Latar Pendidikan Tokoh.....	31
Bahagian 4: Pencapaian dan Anugerah.....	34
Bahagian 5: Pendapat/Pandangan/Nasihat.....	38
Rujukan.....	47
Lampiran	
Log Wawancara.....	50
Diari Kajian.....	56
Senarai Soalan.....	59
Surat Perjanjian.....	65
Gambar.....	67
Indeks.....	72

## **SENARAI ABREVIASI**

<b>BIL.</b>	<b>MAKSUD</b>	<b>SINGKATAN</b>
1	Kuala Lumpur	KL
2	Dewan Bahasa dan Pustaka	DBP
3	Universiti Sains Malaysia	USM
4	Radio Televisyen Malaysia	RTM
5	Universiti Teknologi MARA	UiTM
6	Perintah Kawalan Pergerakan	PKP
7	Akademi Fantasia	AF
8	Sijil Pelajaran Malaysia	SPM
9	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia	STPM
10	Bintang Cemerlang Melaka	BCM

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**



Nama	: Sharizan bin Ahmad
Nama samaran	: Abon
Tarikh lahir	:
Tempat lahir	: Melaka
Alamat	: Melaka
No. telefon	:
Tahun aktif	: 1990–kini
Profesjon	: Pelakon, Pelawak dan Usahawan
Bidang	: Seni Hiburan

# **PENGENALAN**

## **PENGENALAN**

Negara Malaysia mempunyai ramai tokoh yang berjaya dalam pelbagai bidang seperti perniagaan, ekonomi dan keusahawanan, sukan, hiburan dan seni, politik dan bidang-bidang seperti perubatan, kejuruteraan dan keilmuan. Kemunculan individu-individu ini dari pelbagai latar belakang kaum dan status kehidupan menarik untuk dijadikan kajian yang boleh memberi manfaat dan pengajaran yang tidak ternilai kepada generasi pada masa hadapan. Kajian seperti ini memperlihatkan bahawa proses mencipta dan membina kejayaan seperti ini boleh menjadi teladan kepada orang lain untuk mengikut jejak mereka. Memandangkan usaha mendokumentasikan tokoh-tokoh ini tidak banyak dijalankan, maka kajian seumpama ini perlu dilakukan kerana akses terhadap mereka masih boleh dilakukan.

Menurut Pusat Kajian Sejarah Lisan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), sejarah lisan adalah kaedah di mana kenangan seseorang tokoh telah dicatatkan dalam suatu wawancara. Tokoh yang terpilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbangkan maklumat sejarah dari penglibatan dan pengalaman mereka sendiri, atau kerana hubungan langsung mereka dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperoleh dari wawancara kemudian disalin dan setelah selesai disemak dan ditaip ianya boleh dijadikan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

# **TRANSKRIP**

## TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang hiburan seni tanah air. Bersama-sama kami ialah Encik Abon yang merupakan seorang seniman veteran tanah air. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 1 december 2021 bersamaan dengan hari rabu pada pukul 2 petang melalui platform *Google Meet*. Temubual ini dikendalikan oleh saya Nur Dyana bt Mokhtar dan juga rakan saya Siti Nur Hadiyal Huda bt Azmi. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

Petunjuk:

EA: Encik Sharizan bin Ahmad  
ND: Nur Dyana  
HH: Hadiyal Huda

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**HH** : *Okay (Baiklah), pertama sekali terima kasih sekali lagi Encik Abon atas kesudian walaupun dengan jadual yang agak padat lah [dialek]. Boleh ya saya panggil Encik Abon?*

**EA** : Boleh.

**HH** : *Okay (Baiklah), saya Huda. Okay (Baiklah), Encik Abon soalan pertama mengenai latar belakang lah [dialek]. Okay (Baiklah), boleh Encik ceritakan sedikit latar belakang Encik Abon yang mungkin belum*

**diketahui oleh orang ramai macam [seperti] nama penuh Encik yang orang lebih kenal dengan nama Abon lah [dialek] kan [mengiyakan]. Okay (Baiklah), seterusnya umur pada tahun ini, asal dari mana, tarikh lahir dan mungkin sedikit tentang keluarga Encik Abon lah [dialek] okay (Baiklah).**

**EA** : *Okay (Baiklah), Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.*

**HH** : **Waalaikummussalam.**

**EA** : Dengar suara saya ya?

**HH** : **Haa [tanda setuju] dengar (ketawa).**

**EA** : *Okay (Baiklah), pertama sekali saya mintak maaf lah [dialek] dengan keadaan yang tidak selesa ini, sebab ini lah [dialek] tarikh yang saya ada kerana selepas ini saya ke Melaka dan selepas Melaka saya ke Kampung Kelip Kelip Kuantan. Saya akan KL (Kuala Lumpur) ke Melaka, Melaka sambung Kuantan, Kuala Selangor acara berbalas pantun saya akan balik ke rumah rehat.*

**HH** : **Hmm [mengiyakan] sibuk juga.**

**EA** : Ataupun balik semula. Itulah kerja saya dan lusanya saya ke Pulau Pangkor (Melaka) terus ke Tambun (Perak) balik ke Melaka balik semula \_ \_ \_ \_ haa [tanda setuju] itu lah [tanda setuju] kerja saya atas kereta ek [dialek]. *Okay (Baiklah) \_ \_\_. Dengar ya?*

**HH : Dengar.**

EA : [suara bising]. Saya mulakan dengan macam mana ek [dialek], nama asal saya kalau nama betul saya dalam IC (*Identity Card*) [kad pengenalan] lah [dialek] Sharizan Ahmad. Kampung Seri Wangi (nama tempat di Johor). Yang dipopularkan nama tu [itu] dipopularkan oleh Tan Sri Johan Jafaar [bekas penggerusi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)] yang bagi nama itu untuk watak satu [1] karakter watak budak kampung datang ke Kuala Lumpur. Jadi karakter Abon tu [itu], nama Abon tu [itu] memang sesuai lah [dialek] sehingga menenggelamkan nama sebenar saya Sharizan Ahmad.

**HH : Hmm [mengiyakan].**

EA : Haa [tanda setuju] jadi dengan berkat dia lah [dialek] nama itu menjulang saya dipersada seni. Jadi umur saya setakat ini 61 tahun. Saya daripada adik beradik lapan [8] [Suara bising]. Saya anak yang keempat.

**HH : Oh [mengiyakan].**

EA : Haa [tanda setuju] hidup saya tak berapa menarik sangat lah [dialek] sebab ayah saya kerja dia tentera, tentera ni [ini] dia tidak ada kampung tetap daripada mula daripada *British Army* [Tentera British] pergi tukar kat [di] Malaysia duduk di British kem, kemudian tukar pergi bila British balik haa [tanda setuju] dia suruh buat pilihan nak terus kerja dengan *British Army* [Tentera British] ataupun tukar

ke Jabatan Kerajaan Malaysia. Ayah saya arwah ayah saya ambil pilihan kerja dengan Jabatan Kesihatan Kerajaan Malaysia maka saya berpindah lagi ke Muar, Johor. Haa [tanda setuju] di situlah saya mula belajar cakap jawa saya sekolah sekali dengan Orang Jawa dan saya dapat belajar karakter orang kampung walaupun saya duduk kuarters kerajaan. Saya banyak bercampur dengan Orang Jawa. Haa [tanda setuju] jadi saya pun bekerja lah [dialek] dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Selama saya berpindah di Kuala Lumpur bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Tembak. Dalam negeri Kuala Lumpur. Pastu [kemudian] saya kerja Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bermula lah [dialek] saya sebagai seorang aaaa orang kata penggiat seni, bidang seni.

**HH : Dalam bidang ni [ini] lah [dialek]?**

EA : Haa [tanda setuju] bidang seni sebab apa kalau kata Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dia melancarkan Novel Salina (nama novel) malam tu [itu] dia ada pementasan Salina so [jadi] penonton dapat dua [2] versi, satu [1] pementasan satu [1] lagi pembacaan. Kalau pagi tu [itu] ataupun hari tu [itu] pelancaran Novel Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman (nama novel). Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) malam itu juga adalah pementasan Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman (nama novel) dan setiap pementasan kita akan berjalan semua daripada Johor Bharu selalunya di Maktab Perguruan Johor Bharu kita akan bergerak sampai lah [dialek] ke USM Pulau Pinang (Universiti

Sains Malaysia) kemudian kita akan terbang ke Sabah ke Sarawak. Itu lah [dialek] kerja rutin saya walaupun itu hanya lah [dialek] kerja sambilan, kerja hakiki saya sebenarnya kerani di pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

**HH : Oh! Kerja pertama ke?**

EA : Haa [tanda setuju] itu kerja saya lah [dialek] kerani di jabatan kerajaan lepastu [kemudian] saya banyak lah [dialek] terlibat dengan kegiatan-kegiatan teater dan saya *join group* [menyertai kumpulan] teater Kuala Lumpur pada masa tu [itu] memang kebangkitan teater pada masa itu memang hebat sebab media hiburan semua tak [belum] ada kita cuma ada TV1, TV2 (siaran televisyen RTM) dan TV lain semua tak [belum] ada.

**HH : Haa [tanda setuju] RTM (Radio Televisyen Malaysia).**

EA : RTM (Radio Televisyen Malaysia) sahaja lepastu [kemudian] lama-lama kita mencari hiburan secara pementasan lah [dialek], setiap pementasan akan mendapat sambutan memang ramai gila orang datang tengok teater haa [mengiyakan] itu menaik semangat saya untuk belajar lagi teather sampai lah [dialek] saya dihantar oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk teater kanak-kanak bersama dengan Ohanashi Darivian di Tokyo, Jepun. Haa [mengiyakan] saya buat kursus di sana lepas habis saya kursus di Jepun saya balik ke Malaysia saya duduk di dalam *group* [kumpulan] teater. Bvcbxvmbzvxm [suara bising]. Kumpulan Nuri kalau ingat dulu dewan pelajar

kita ada Nuri, Si Nuri tu [itu] saya lah [dialek].

**HH : Nuri. Oh!**

EA : Kalau dewan pelajar dulu, dewan pelajar ni [ini] untuk budak-budak yang bawah darjah 6 lah [dialek] jadi si Nuri tu [itu] saya lah [dialek] saya pakai maskot [suara bising]. Kemudian saya dapat panggilan tempat orang kata banyak la [dialek] sambutan daripada maktab-maktab perguruan ilmuwan Kuala Lumpur dekat USM (Universiti Sains Malaysia) diorang [mereka] panggil saya sebab dia kata lakonan ini salah satu [1] daripada kokurikulum di sekolah. Jadi cikgu-cikgu yang datang di sekolah nak mengajar teater atau nak mengajar lakonan dia tidak ada asas jadi macam mana dia nak ajar murid-murid sedangkan cikgu-cikgu dia pun takde [tiada] asas, dia kata dia memang cikgu yang lama-lama lah [dialek] yang baru mungkin lah [tanda setuju] cikgu yang lama-lama ni dia taktau [tidak tahu] kalau dia buat lakonan dia ambil satu [1] cerita Sang Kancil dan Buaya (tajuk cerita dongeng) budak ni [ini] baca dia jadi buaya dia jadi kancil dah [sudah] habis. Macam cerita P. Ramlee lah [dialek] “hari-hari cikgu main bola, cikgu main bola hari-hari cikgu main bola”. Itu je [sahaja] lah [tanda setuju].

**HH : Iya.**

EA : Jadi bila saya dipanggil saya dah [sudah] takda [tiada] masa suntuk masa dengan teater nya dengan lakonan nya dengan sitkomnya dengan dramanya TV

(televisyen) program filemnya saya berenti [berhenti] Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan saya *full time* [sepenuh masa] dan saya buat Abon Production (nama produksi) haa [tanda setuju] saya terhumban terus ke. Bvxcbxvnbxvb [suara bising]. Bidang seni lakon yang mendapatkan duit lah [dialek] kalau dulu memang takde [tiada] duit teater memang tak [tiada] menjanjikan duit. Dia hanya mengeluarkan duit dia takde [tiada] dia cuma dapat ilmu sahaja [suara bising]. Selama lebih tahun 79 [1970] saya berkecimpung tahun 85 [1985] saya keluar TV (televisyen) sehingga lah [dialek] tahun 2011 saya menuju Maharaja Lawak Mega.

**HH : Haa [tanda setuju] bersama?**

EA : Haa [tanda setuju] menjawab tak [tidak] soalan saya? Kumpulan Osbon.

**HH : Haa [tanda setuju] pernah tengok.**

EA : Haa [tanda setuju] sebelum-sebelum tu [itu] juga saya ada juga *top 5* (5 teratas) untuk senarai peserta Anugerah Pelakon Popular Kategori Filem Terbaik saya *top 5* (5 teratas) dari *top 5* (5 teratas) pergi ke *top 3* (3 teratas), saya terkeluar haa [mengiyakan] saya banyak lah [dialek] yang anugerah-anugerah macam gitu [begitu] kita masuk pertandingan sahaja kadang kita masuk *top 10* (10 teratas), *top 5* (5 teratas) [suara bising]. Haa [mengiyakan] yang sampai *top 3* (3 teratas) pun ada juga tapi dia nak pilih juara sahaja haa [tanda setuju] itulah pencapaian-pencapaianya dan saya ada anak empat [4] orang. Empat-empat (merujuk

kepada anak-anaknya) dah [sudah] habis ya pastu [kemudian] tinggal satu [1] lagi \_\_\_\_.

**HH : Nama anak?**

EA : Nama anak yang sulung tu [itu] Noratul Syahira dia dah [sudah] habis *degree* [ijazah] dia buat di UiTM Lendu (Universiti Teknologi MARA cawangan Melaka) kemudian dia sambung *degree* [ijazah] dia di UiTM (Universiti Teknologi MARA) Puncak Alam dia ambil *Business Study* [Pengajian Perniagaan] yang diploma tu [itu] dia ambil Akaun (Subjek Akaun) pastu [kemudian] dia ambil Degree Business Study [Ijazah Pengajian Perniagaan]. Anak yang kedua dia ambil *Sport Science* [Sains Sukan] di Jengka, Pahang. Kemudian dia ambil *degree* [ijazah] di Seremban 2 (Negeri Sembilan) lepastu [kemudian] dia kerja di Singapore sebagai *coaching* [bimbingan] untuk *Sport Science Team* [Pasukan Sains Sukan] di Singapore dah [sudah] tiga [3] tahun dah [dialek] dia kat [di] sana. Anak yang ketiga, itu nama dia Noratul Syafirah anak nombor dua [2]. Anak nombor tiga [3] Muhammad Syahir Aizat.

**HH : Dia sorang [seorang] je [sahaja] lelaki?**

EA : Haa [tanda setuju] dia buat diploma dekat Lendu (Melaka) dia buat *degree* [ijazah] dekat [di] Puncak Alam dia ambil *Science Tourism* [Sains Pelancongan]. Kemudian 2020 hingga 2021 PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) saya tengok dia dalam bilik berkurung. Keluar dengan kot seluar

pendek saya taktau [tidak tahu] apa dia buat dia tak [tidak] cakap dekat saya dia cakap dengan ibu dia je [sahaja] rupanya dia buat *master* [sarjana].

**HH : *Online class* [kelas dalam talian].**

**EA : Haa [tanda setuju] lelaki habis dah [dialek] *master* [sarjana] dia, dia cakap dengan saya dah [sudah] habis, alamak saya cakap “bila belajar?” “Itu yang dalam bilik berkurung” Oh ingatkan PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) dia tak nak [tidak mahu] campur dengan orang. Rupanya dia dah [sudah] buat *master* [sarjana]. Yang nombor empat [4] ni [ini] dia dah [sudah] habis diploma dekat [di] Lendu, Melaka kemudian *degree* [ijazah] dia dapat dekat [di] UiTM Arau, Perlis (Universiti Teknologi MARA cawangan Perlis). Itu yang bongsu lah [dialek] *last* [terakhir] lah [dialek].**

**HH : Seorang laki [lelaki] lah [dialek] dua [2] orang?**

**EA : Seorang lelaki, tiga [3] orang perempuan. Isteri saya kerja Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bahagian kewangan lepastu [kemudian] saya minta dia pencen secara awal untuk dia buat *business* [perniagaan] sebab apa saya rasa saya dah [sudah] keluar dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) saya rasa macam dekat luar lagi luas bidang kalau gaji sekarang naik RM10 setahun, RM15 lagi orang kata tapi kerjanya terjamin lah [dialek] ada pencen. Sekarang ni [ini] kita buat roti, roti sarang lebah tapi saya dapat kontrak dekat [di] Petronas Kedai Mesra tapi tak [tidak] panggil roti sarang. Bvxcxmvxcnnc [suara bising]. Dia panggil**

‘roti Abon’ sebab orang nampak gambar saya dia panggil ‘roti Abon’. Itu lah [dialek] *backup* [sandaran] saya roti. Saya masih lagi dalam bidang seni tapi saya dalam TV (televisyen) 2011 saya dah [sudah] tak de [tiada] dalam TV (televisyen) saya dah [sudah] keluar dalam televisyen bukan kerana saya tak [tidak] dapat tawaran sebab saya kecewa dengan industri seni. Saya dengan Os keluar daripada bidang seni. Kerana selepas kami menang langsung kami dipinggirkan. Di Malaysia ni [ini] saya tak tau [tidak tahu] juara dia akan dipinggirkan kalau yang AF (Akademi Fantasia) [suara bising]. Gitu [begitu] juga kalau siapa juara memang hilang yang popular ni [ini] yang kalah.

## TAMAT BAHAGIAN 1

### BAHAGIAN 2: KERJAYA

**HH** : Haa [tanda setuju] itu lah [dialek].

**EA** : Yang kalah haa [tanda setuju] minta maaf lah [dialek] kalau boleh tak nak [tidak mahu] sebut nama macam Aida Jebat dia kalah AF (Akademi Fantasia). Tapi popular. Haa [tanda setuju] Afidlin Shauki dia kalah dengan Osbon.

**ND** : Saya dulu tengok.

**EA** : Tapi dia popular kalau nak sebut nama boleh kot [mungkin] kalau tak [tidak] sebut pun [dialek] takpe [tidak mengapa] kot [mungkin]. (Ketawa). Jadi kita tengok kalau haa [tanda setuju] kalau kita tengok dekat [di] TV [televisyen]

sekarang ni [ini] yang mana kalah ngan [dengan] saya semua yang popular semuanya tengah belakon sekarang ni [ini]. Tekan lah TV (televisyen) 1,2,3 (siaran televisyen) Astro (All-Asian Satellite Television and Radio Operator), haa [tanda setuju] dia lah [dialek] tu [itu] sebenarnya dia tu [itu] saya pernah dengar lah [dialek] dia tak [tidak] pernah dan tidak layak untuk masuk dalam group (kumpulan) Maharaja Lawak Mega. Haa [tanda setuju] tapi dia dapat job [kerja] rezeki dia lah [dialek]. Kita pakat [sepakat] memo setahun takpe [tidak mengapa] lah [dialek] saya bagi Astro (All-Asian Satellite Television and Radio Operator) untuk panggil.

**HH : Tapi Encik Abon pun [dialek] popular juga.**

**EA : Tapi Astro (All-Asian Satellite Television and Radio Operator) tak [tidak] panggil RTM (Radio Televisyen Malaysia) pun [dialek] tak [tidak] panggil haa [tanda setuju] Hah? [tanda tidak pasti] Macammana?**

**HH : Encik Abon pun [dialek] boleh tahan popular juga (ketawa).**

**EA : Tak [tidak] bukan masalah apa.**

**ND : Mak saya masih suka (ketawa).**

**EA : Masalahnya stesen TV (televisyen) tak [tidak] panggil dia tak [tidak] pandang kita dia tak [tidak] pandang saya popular jadi sebab mungkin saya bukan kelahiran daripada Astro (All-Asian Satellite Television and Radio Operator)**

saya daripada RTM (Radio Televisyen Malaysia). Yang lain-lain masuk Maharaja Lawak Baru dia popular saya dah [sudah] popular daripada dulu lagi.

**ND** : **Daripada Astro (All-Asian Satellite Television and Radio Operator) semua tu [itu] dorang [mereka].**

**EA** : Diorang [mereka] daripada *zero* [kosong] ke *hero* [hebat] yang dicungkil bakatnya ambil dari haa [tanda setuju] peserta dari Johor Bharu ambil di Angsana kalau daripada Terengganu ambil di Terengganu Mall sana jadi dibawa balik ke KL (Kuala Lumpur) dilawangkan menang diganti lah [dialek]. Sebab tu [itu] kalau dia tanya “kalau lah Astro tak ambil awak masa Maharaja Lawak Mega awak jadi apa?” Haa [tanda setuju] ada yang jadi *dispatch* [penghantaran] ada yang jadi susah ada yang cuci kereta ada yang jual otak-otak (makanan). Jadi ini, ini \_ \_ \_ orang macam kitaorang [kami] daripada teater pergi ke filem pergi ke drama TV (televisyen) haa [tanda setuju] jadi agaknya taknak [tidak mahu] ambil orang yang macam saya ni [ini] dia nak orang yang diiktiraf kualitinya daripada *zero* [kosong] ke *hero* [hebat] haa [tanda setuju] itu dia.

**ND** : Hmm [mengiyakan] itu lah [dialek] saya pun [dialek] \_ \_ .

**EA** : Jadi saya ambil keputusan saya keluar daripada Astro (All-Asian Satellite Television and Radio Operator) daripada bidang ni [ini] terus buat *business* [perniagaan] Oh Alhamdulillah [tanda syukur] rezeki, terjawab ke soalannya? Ke ada soalan lain?

**HH** : Terlebih dah [sudah] (ketawa). Ada lagi soalan apa \_ \_ \_ (ketawa) jadi kalau saya lah [dialek] saya lebih kenal Encik Abon melalui bidang lawak jadi.

**EA** : Takpe [tidak mengapa] kita sembang je [sahaja] kita santai saja jangan *formal* [rasmi] sangat.

**ND** : Haa [tanda setuju] boleh (ketawa).

**EA** : Awak adalah orang yang keenam [6] ketujuh [7] yang *interview* [temubual] saya.

**ND** : Baik.

**EA** : Haa [tanda setuju] santai je [sahaja].

**HH** : Oh! Dah [sudah] ramai juga lah [dialek].

**ND** : Dah [sudah] ramai ke *interview* [temubual]?

**EA** : Macam mana?

**ND** : Dah [sudah] ramai ke yang *interview* [temubual] Encik Abon?

**EA** : Haa [mengiyakan] tahun lepas lah [dialek] ada dua [2] tahun ni [ini]. Ada satu [1] itu bukan saya *interview* [temubual]. Dia buat dalam kelas haa [mengiyakan] *lecturer* [pensyarah] dia minta saya bercerita pasal [tentang] macam mana

selebriti dengan bidang *business* [perniagaan]. Haa [tanda setuju] dalam kelas tu [itu] ada lah [dialek] dalam 35 murid. *Lecturer* [pensyarah] tu [itu] akan *link* [hubungkan] dengan saya *student* [pelajar] akan dengar daripada *lecturer* [pensyarah] tu [itu].

ND : **Haa [tanda setuju] menarik (ketawa).**

EA : Awak ni *student* [pelajar] kan?

ND : **Haa [tanda setuju] *student* [pelajar].**

EA : Haa [tanda setuju] *student* [pelajar] yang tu [itu] *lecturer* [pensyarah].

HH : **Kami dari UiTM (Universiti Teknologi MARA) Machang.**

EA : Daripada UiTM (Universiti Teknologi MARA) Machang?

HH : **Haa [tanda setuju] Kelantan. (Ketawa).**

EA : Oh, *okay* [baiklah]. Lagi apa soalan yang boleh saya jawab?

HH : **Dalam bidang lawak ni [ini] kan ingat lagi ke tahun berapa mula seni ni [ini]? Ataupun lawak apa yang mula-mula Encik Abon pentaskan? (Ketawa).**

EA : Sebenarnya saya ni [ini] bukan pelawak, saya pelakon komedi jadi apa saja [suara bising]. Yang saya buat drama, haa [tanda setuju] saya buat drama pun

[dialek] orang ketawa juga. Tapi kalau masuk komedi sebagai contoh saya masuk pertandingan komedi ni [ini] lah [dialek] Maharaja Lawak Mega 2011. Yang lain tu [itu] kita buat *show* [persembahan] macam di Singapore \_\_\_\_\_ haa [tanda setuju] dapat tak [tidak] banyak dah [sudah] dapat ni [ini].

ND : **Boleh dengar?**

EA : Boleh dengar.

HH : **Okay [baiklah] soalan seterusnya apa pengalaman manis dan pengalaman pahit Encik Abon sepanjang terlibat dalam bidang ni [ini] ataupun pernah ke terjadi perkara-perkara yang buruk semasa di lokasi atau tengah siaran langsung?**

ND : **Set [lokasi] lah [dialek], set [lokasi] penggambaran ke?**

EA : Kenangan manisnya kalau nak ikutkan pernah juara Maharaja Lawak Mega lah [dialek]. Tapi sebelum itu saya pernah orang kata pencalonan tu [itu] pun [dialek] merupakan pengalaman manis saya apabila kita diterima sebagai pelakon sitkom pertama semasa di TV3 (saluran televisyen). Dipanggil kita untuk \_\_\_. Bxmncvczcmvxzv [Bunyi siren Ambulans]. Dipilih untuk masuk tapi pasal [tentang] cinta lah [dialek] haa [tanda setuju] ada pengarah tengok gaji Abon terus dia ambil saya berlakon sebagai pelakon komedi sebagai sitkom komedi Pi Mai Pi Mai Tang Tu (tajuk cerita), sebelum tu [itu] \_\_\_\_\_.

ND : Tahun berapa tu [itu] kalau Encik Abon ingat lagi, *first* [pertama] yang Encik Abon berlakon, *first* [pertama] cerita.

EA : \_\_\_\_\_ saya menjuarai \_\_\_\_\_ juara Maharaja Lawak Mega 2011 \_\_\_\_.

ND : 2011.

EA : Yang berlakon komedi, haa [tanda setuju] berlakon dah [sudah] banyak \_\_\_\_ berlakon filem *start* [mula] daripada tahun 85 [1985] dah [sudah] ada tahun \_\_\_\_ hello?

ND : Ya, sekat [sangkut] lah (dialek) Encik, boleh dengar ke?

EA : Saya boleh dengar suara awak, suara saya dengar tak [tidak]?

ND : Sebab Encik kat [di] perjalanan dia memang macam tu [itu].

EA : Haa [tanda setuju].

ND : Kalau Encik dalam perjalanan dia memang macam tu [itu] *line* [saluran internet].

EA : Oh, perjalanan.

ND : Haa [mengiyakan] dia sekat-sekat [sangkut-sangkut] biasa lah [dialek] tu [itu].

EA : Haa [mengiyakan] *okay* [baiklah] nanti saya berhenti kejap \_\_\_\_ *Okay* [baiklah]

boleh dengar?

**ND** : **Haa [mengiyakan] boleh.**

**EA** : Haa [tanda setuju] *okay* [baiklah] saya \_\_\_\_\_.

**HH** : **Sekat-sekat [sangkut-sangkut] balik. Encik Abon?**

**ND** : Tengah cari *line* [saluran internet] kot [mungkin] [suara bising].

**ND** : **Hello, Encik Abon ada lagi ke tu [itu]? \_\_\_\_\_ [suara bising].**

**EA** : \_\_\_\_\_ dapat dengar ke tadi?

**ND** : **Tak [tidak] jelas tadi.**

**HH** : Tadi lama juga.

**ND** : **Haa [mengiyakan] baru ni [ini] lah [dialek] dengarnya.**

**EA** : *Okay* [baiklah] saya berhenti kejap.

**ND** : **Boleh ke Encik Abon ulang balik [semula] yang Encik Abon cerita tadi?**

**EA** : *Okay* [baiklah] pengalaman pahit eh?

**HH** : **Pengalaman pahit dan manis.**

**EA** : *Okay* [baiklah] yang paling manis, kenangan manis saya biasa lah [dialek] saya

menjuarai pertandingan realiti Maharaja Lawak Mega itu lah [dialek] yang pertama. *Clear* [jelas] eh? [suara bising].

**HH : Masa tu [itu] dengan Osbon dah [sudah] kan?**

EA : Haa [mengiyakan] dengan Osbon arwah Os kemudian yang pahitnya 2017 saya ada satu [1] pementasan dekat [di] Johor Bharu. Jadi dalam perjalanan tu [itu] saya berdua lah [dialek]. Saya dengan arwah Ali Mamak dia daripada Melaka saya daripada KL (Kuala Lumpur) dia sampai dulu. Saya di Johor Bharu nak masuk je [sahaja] Kulai (Johor) saya ada kereta langgar belakang jadi terhantuk kat [di] cermin. Mata saya masuk cermin masuk kaca [suara bising]. Kemudian dia hantar saya ke Hospital Putri Johor Bharu sampai disana doktor keluarkan kaca dekat [di] mata. Dah [sudah] habis keluar kaca dia nak tutup mata saya nak bagi *bandage* [pembalut] saya kata dengan dia “nanti dulu saya ada satu show malam ni”. Masa [waktu] tu [itu] lagi setengah jam (30 minit) punya [untuk] pementasan saya di Johor Bharu. Jadi saya minta doktor keluar sekejap lepaskan saya sekejap saja nanti \_\_\_\_ saya datang balik lepastu [kemudian] saya balik. Lepastu [kemudian] dia kata “hei! awak accident teruk” pastu [kemudian] saya ada *show* [persembahan] saya cakap dengan dia “ni show Sultan Johor”. Dengar je [sahaja] dia kata “betul ke?” Saya kata “saya kena pergi juga” dia dengar je [sahaja] kata Sultan Johor dia pun [dialek] lepaskan saya pergi. Saya pun [dialek] pergi dekat *show* [persembahan] sana saya tengok kawan saya suara takda [tiada]. Suara dia takda [tiada] memang betul doktor kata dia punya tekak

tu [itu] merah kemudian peti suara dia tu [itu] dah [sudah] terhimpit, dia dah [sudah] takda [tiada] suara. Haa [mengiyakan] jadi lagi sampai tak [tidak] larat la [dialek] dia bercakap, lagi lima [5] minit nak *show* [persembahan].

ND : **Kiranya waktu tu [itu]?**

EA : Apa dia?

ND : **Kiranya waktu tu [itu] dia terlampau banyak *show* [persembahan] ke apa sampai [sehingga] jadi macam tu [itu]?**

EA : Saya taktau [tidak tahu] dia kenapa saya tak [tidak] sempat nak tanya dia kata dia ada masalah tekak dia tonsil lepastu [kemudian] dia nampak selepas ini dia akan pergi ke hospital. Saya pun lepas ni [ini] pergi ke hospital juga saya cakap dia periksa. Saya masuk wad. Jadi bila saya sampai dekat [di] belakang pentas dia bagi kena saya macam orang bisu. Alamatk saya kata kat [kepada] dia “apa?” dia cuit tangan saya dia kata “kenapa?” Dia tunjuk ni (tunjuk tekak) saya tak [tidak] nampak. Mata saya *blur* [kabur]. Saya tak [tidak] boleh buka mata kalau buka mata dia pedih sebab dia luka jadi saya buka sekejap dia macam tunjuk isyarat ni [ini] suara takde [tiada]. Saya suara ada mata tak [tidak] nampak. Jadi kami kata “kena buat show juga sebab duit dah ambil”. Atas pentas tu [itu] seorang ada mata seorang takda [tiada] suara.

ND : **Takda [tiada] suara.**

**DAN**

**HH**

EA : Jadi kita buat persembahan terus je [sahaja] sampaikan orang ketawa lah [dialek] tengok saya punya gelagat kat [di] pentas berdua tu [itu] dia (mereka) ingat kita berlakon.

ND : **Haa [mengiyakan] itu lah [dialek].**

EA : Bila habis je [sahaja] *show* [persembahan] ini saya kata “saya kena masuk hospital, masuk wad” Dia kata “yang awak dekat atas pentas tadi betul lah?”. “Betul”. “Saya ingatkan awak buat lawak awak accident”. Dan bila ambulans ambil saya dekat [di] tempat *show* [persembahan] tu [itu] dia bawa balik saya ke wad besoknya [esoknya] baru lah [dialek] penganjur tu [itu] datang hantar bunga dekat [di] wad saya. Dia kata “tak nampk benda tu sebagai satu kemalangan”.

**HH : Buat-buat.**

EA : Tapi nampk macam seorang buta seorang bisu. Macam itu lah [dialek] kenangan pahit saya yang tak [tidak] boleh ingat bila terjumpa dia saya kata “berair mata ketawa sedangkan kita accident tapi orang nampak kita berlakon”. Haa [mengiyakan] itu lah [dialek]. Menjawab soalan?

**HH : Haa [tanda setuju] menjawab soalan (ketawa). Selain arwah Os, siapa pelawak lain yang mungkin Encik Abon ingin bekerjasama ataupun**

**beraksi atas pentas sekali?**

- ND : **Untuk kemunculan semula ke haa [mengiyakan].**
- EA : Kalau nak kata bekerjasama ni [ini] saya tak [tidak] memilih orang sebab saya ni [ini] seorang pun [dialek] boleh. Ini malam ni [ini] saya seorang lagi. Saya buat *show* [persembahan] pun [dialek] *start* [mula] dari saya buat *show* [persembahan] seorang, ‘One Man Shows’. Kalau dia ada *partner* [pasangan] dia akan panggil saya dia kata “ada partner haa okay la” saya akan disediakan lah [dialek]. Nama saya nak mencari siapa yang boleh dengan saya siapa tak [tidak] boleh dengan saya takda [tiada] saya boleh belaka tak [tidak] kira asalkan dia boleh dengan saya jalan [teruskan]. Sebab kalau fikirkan saya kalau kata suruh pilih saya lebih kepada nak pilih orang-orang otai (artis veteran) sebab kita melawak ni [ini] ataupun kita ni [ini] pakai dialog kita bukan *standstreet* [kaki lima]. Kita bukan menggunakan Bahasa Selenge, Bahasa-bahasa pasar, bahasa-bahasa *WhatsApp* ‘yoo, wei’.

- HH : **(Ketawa) itu lah [dialek].**
- EA : Ini bukan budaya kita ni [ini] budak-budak baru lah [dialek]. Dia kata berapa *follower* [pengikut] *Instagram* dia lah [dialek] *Facebook* aihh [mengeluh] takda [tiada] saya tak [tidak] ini, saya tak [tidak] minat yang tu [itu].

- ND : **Spontan.**
- EA : Yang saya tahu seorang ayah seorang ibu boleh bela [jaga] lapan [8] anak, lapan

[8] anak belum tentu boleh bela [jaga] dua ibubapa. Belum tentu boleh bela [jaga] bapak [bapa] dengan mak [ibu].

**ND : Betul.**

EA : Haa [mengiyakan] itu saya punya mesej saya.

**HH : Betul.**

EA : Saya ada nasihat kita orang muda. Hormat orang tua, orang tua menyayangi orang muda. Anak lapan [8] bapak [bapa] kerja menoreh getah isteri tak [tidak] berkerja tapi boleh sara lapan [8] orang anak boleh hantar anak sekolah, keluarga ada pakai baju, keluarga ada rumah kerja dia menoreh getah. Haa [mengiyakan]. Ini saya punya cerita saya buat untuk melawak. Kalau *driver* [pemandu] kerja memandu gaji RM180 dia boleh sara lapan [8] orang anak tak [tidak] pernah kata tak [tidak] makan ke minta sedekah ke takda [tiada]. Haa [tanda setuju] pastu [kemudian] bagi saya macam orang tua saya arwah ayah saya lepas dia kerja bawa ambulans 4.15 petang pukul 5 petang dia dah [sudah] pergi tangkap ikan, pergi kebun tanam ubi, tanam keledek, ambil ubi buat cakar ayam, ambil keledek buat kerepek. Selagi dia berusaha dia boleh hidup lah [dialek].

**ND : Hmm [mengiyakan]. Betul.**

EA : Itu sebab saya cukup marah kalau orang kata gaji RM1500 tak [tidak] cukup gaji

memang la [dialek] tak [tidak] cukup sikit sangat tapi kita kena bahagikan dia cukup lah [dialek]. Macam mana nak jadikan dia cukup haa [tanda setuju] kena dua [2] kerja la [dialek] malam mungkin jadi petrol pam sebab engkau nak mewah tapi kalau nak hidup setakat nak hidup RM1500 cukup kau duduk je [sahaja] la [dialek]. Duduk rumah yang RM30, RM35 sewa lah [dialek] lapan [8] orang tapi kau nak selesa kena lah [dialek] bayar. Kita nak selesa jalan kena lah [dialek] bayar tol, kau nak jalan cantik bayar lah tol, nak jalan tak berlubang ikut.

**HH : Betul.**

EA : Ikon bayar lah [dialek] semua benda berbayar haa [mengiyakan] celah tu [itu], kau nak pergi *toilet* [tandas] yang cantik yang bagus yang wangi bayar lah [dialek] 30 sen, macam gini [begini] RM 1. Jadi dia kalau nak hidup selesa dia kena kerja dan kena berusaha lah [dialek] alangkan Bangladesh orang Indonesia pun [dialek] boleh hidup seluruh Malaysia.

**HH : Betul. (Ketawa).**

EA : Jadi kita nak kata macammana. Haa [tanda setuju] maknanya kita boleh pengajaran itu saya ambil sebagai saya punya komedi di atas pentas. Diorang (mereka) ketawa tapi bila difikir-fikir saya cakap tu [itu] benda yang betul.

**HH : Ada mesej sebalik itu.**

EA : Haa [mengiyakan] walaupun dia ketawa, contoh macam saya kata bapa kerja menoreh getah anak dia lapan [8], anak doktor bapa dia professor anak dia seorang je [sahaja]. Kenapa kalau diikutkan Profesor Ku Aziz anak dia berapa satu [1] orang je [sahaja] isteri dia tu [itu] professor. Dia profesor diraja maknanya hebat gaji memang banyak tapi anak dia tak [tidak] dapat orang toreh [menorah] getah anak dia lapan [8], dua belas [12].

**HH : Rezeki.**

EA : Tak [tidak] sekolah pun [dialek] tak [tidak] reti [pandai] baca. Haa [mengiyakan] macammana nak cakap jadi itu yang saya bawa atas pentas. Saya cerita orang ketawa tapi bila fikir betul haa [tanda setuju].

**ND : Dia masuk lah [dialek] ke hati bila fikir betul-betul.**

EA : Sebab itu diorang [mereka] bila kata kalau ada *dinner show* [persembahan makan malam] ke pementasan atas pentas ke persaraan ke ketua polis bersara apa semua. Saya masih lagi dengan diorang [mereka] di PDRM (Polis Diraja Malaysia) 10 haribulan saya di Tambun (Perak) 17 haribulan saya dengan Ketua Polis Kelantan bersara 17 haribulan Disember [17 Disember]. Saya buat di Kota Bharu Kelantan. Ketua Polis Kelantan Negara.

**ND : Itu lah [dialek] tengok jadual Encik Abon pun [dialek] memang padat lah [dialek] (ketawa) memang padat betul.**

EA : Haa [mengiyakan] saya takda [tiada] masa sebab apa *show* [persembahan] itu saya tak [tidak] ambil tu [itu] program TV (televisyen) kalau saya ambil Maharaja Lawak Mega setiap hari jumaat saya kena pergi Melaka. Daripada Melaka balik Astro daripada Astro balik Melaka balik. Jadi dia taknak [tidak mahu] tanggung risiko dan saya pun [dialek] tak [tidak] mau [mahu].

ND : Iya.

EA : Lebih-lebih lagi saya tengok pelawak-pelawak yang ada sekarang masuk bertanding orang duk [sedang] kutuk-kutuk, orang duk [sedang] kata entah apa-apa. Saya rasa selamat saya tak [tidak] masuk.

ND : **Orang muda hmm [mengiyakan].**

EA : Sebab saya rasa saya tak [tidak] sanggup saya tak [tidak] masuk. Dia kata juri entah apa-apa Noh Hujan jadi juri lawak. Sedangkan dia kalau bagi mikrofon suruh buat lawak atas pentas *confirm* [pasti] toreh gigi pun [dialek] tak [tidak] berdarah ni [ini].

ND : **Kadang tengok juri pun [dialek] macam tak [tidak] masuk akal juga.**

EA : Memang payah [susah] kalau menyanyi senang kalau dia menyanyi orang dengar tak [tidak] dengar dia. Haa [mengiyakan] sebab itu kalau tengok juri yang komen pun [dialek] entah apa-apa. Haa [mengiyakan] elok lah [dialek] dengan keadaan jurinya dengan keadaan pesertanya haa [tanda setuju] kena lah

[dialek] tu [itu] dua kali lima (perumpamaan). Astro ni [ini] dah [sudah] pening kepala dah [sudah] ni [ini].

ND : *Okay [baiklah]*.

EA : Sebab tu [itu] kalau saya kata saya pelawak saya tak [tidak] pilih kalau kata topik-topik saya ambil lebih daripada yang memberi nasihat paling tidak pun [dialek] kalau sepuluh [10] punchline saya lima [5] itu untuk yang ada mesej.

ND : **Supaya orang masuk dalam hati orang lah [dialek]**.

EA : Tapi kita kena banyak membaca haa [mengiyakan] sebab saya kebetulan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) saya banyak membaca sebab kerja saya membaca saya duduk perpustakaan. Untuk kita kategorikan buku kita kena prakata kena baca muka depan dia tu [itu]. Haaa [mengiyakan] ini buku agama kalau agama kita ada sejarah kita ada sirah nabi kita ada apa tauhid kita ada ini tamadun islam jadi saya kena baca semua baru saya tau [tahu]. Kalau kata sains dalam ni [ini] ada kajian disini ada biologi yang ni [ini] sains kalau dulu kita panggil kaji hayat yang ni [ini] sains fizik yang ni [ini] macam-macam dia ada. Jadi saya kena baca terpaksa baca untuk tau [tahu] kerja haa [mengiyakan] kerja saya.

ND : **Haa [mengiyakan] itu jadi satu hobi lah [dialek] pula kan bila ada masa lapang?**

EA : Haa [mengiyakan] bila bekerja dengan membaca. Tak [tidak] secara langsung kita minat membaca kalau katakan kerja saya ni [ini] bancuh simen saya takda [tiada] masa nak baca buku. Kalau saya kerja kontrak saya takda [tiada] masa tapi sebab saya kerja di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Kerja di jabatan yang mencetak buku yang menerbitkan buku jadi kita kena baca buku lah [dialek] bjhvnnmbh [batuk] Kalau ada buku sejarah kalau ada buku novel saya akan baca buku novel [suara bising]. Dulu kalau buku novel yang perempuannya Katijah Hashim, Merpati Putih Terbang, Terbang Lagi Seorang Azizi, Orang Tua Dikaki Gunung saya kena baca novel tu [itu]. Untuk saya faham nak kategorikan apa buku tu [itu], jadi kita dapat membaca alhamdulillah [tanda syukur] lah [dialek] kerja kita kerja membaca sebab itu bila kita membaca kita banyak dapat ilmu kita banyak dapat idea bila kita atas pentas. Kita tak [tidak] buat lawak-lawak bodoh.

ND : **Yang buang masa hmm [mengiyakan] betul.**

EA : Kita tak bawa lawak-lawak yang apa “tengah jalan tadi hujan lah hujan lebat tengah jalan kalau tengah jalan kenapa tak lalu tepi jalan”. Ini lawak-lawak loyar buruk ni [ini] orang tak [tidak] pakai [suka]. Haa [mengiyakan] orang tak [tidak] pakai [suka] tu [itu].

ND : **Lawak kosong.**

EA : Haa [mengiyakan] rupa itu lah [dialek] sekarang itu lah [dialek] dia nak apa “cia

cia cia” tapi sebenarnya takda [tiada] apa benda.

**ND** : **Lawak kosong lah [dialek] kiranya macam takda [tiada] apa.**

**EA** : Lepastu [kemudian] berpantun pun [dialek] pantun dua [2] kerat, “tak pergi pasar malam, selamat malam”. Apa benda tak [tidak] tahu.

**ND** : **Takda [tiada] isi juga.**

**EA** : Haa [mengiyakan]. Kemudian budak pun [dialek] tak [tidak] boleh nak bantu dengan pantun dua [2] kerat yang macam gitu [begitu], budak takleh [tidak boleh] belajar dan kita takboleh [tidak boleh] dapat pengetahuan daripada apa yang kita tengok dia tak [tidak] tau [tahu] apa.

**HH** : **Selain bidang seni ni [ini], saya ada buat kajian lah [dialek], saya tengok Encik Abon ada juga terlibat dalam perniagaan. Betul ke?**

**EA** : Haa [tanda setuju] betul saya buat perniagaan lah [dialek] saya cakap tadi. Saya buat perniagaan roti tadi. Lepastu [kemudian] saya *produce* [hasilkan] kopi.

**HH** : **Produk makanan kesihatan. Ada ke?**

**EA** : Ya?

**HH** : **Saya tengok ada dekat *Google* perniagaan produk kesihatan, betul ke?**

**EA** : Haa [mengiyakan] saya ada bukan produk kesihatan, makanan kesihatan.

**HH** : **Makanan kesihatan.**

**EA** : Haa [mengiyakan] makanan.

**HH** : **Apa nama perniagaan Encik itu?**

**ND** : **Boleh cerita sikit?**

**HH** : **Berapa lama dah [sudah] mula?**

**EA** : Produk dia jenama ‘Stevia’.

**HH** : **Oh Stevia. Berapa lama dah [sudah] mula?**

**EA** : Stevia ni [ini] dia ganti gula, saya dah [sudah] buat tiga [3] tahun. Haa [mengiyakan] Stevia kemudian kita ada kopi hijau. Dulu kopi hijau sekarang saya namakan dia saya dah [sudah] keluarkan sendiri. Saya dah [sudah] *produce* [hasilkan] sendiri saya namakan sendiri ‘Kopi Hijau Abon’.

**ND** : **Haa [mengiyakan], ada jual kat [di] platform macammana eh?**

**EA** : Kita belum lagi, kalau Stevia kita jual *online* [dalam talian]. Kita tekan situ ‘Stevia d’care’ (nama laman web) saya punya saya *share* [kongsi] dengan kawan di ‘Stevia d’care’ kami punya. Kemudian minyak, ‘Minyak Terapi Cayaku Cayalu’ saya punya dengan kawan mana yang saya dah [sudah] *test* [cuba] dah [sudah] berkesan saya *share* [kongsi]. Saya ambil dia jadi *test* [cuba]

produk saya sebab apa kalau kita orang kenal kalau saya jual ‘Minyak Terapi Cayaku Cayalu’ untuk sengal-sengal sendi tapi bila pakai takda [tiada] kesan diorang senang cari saya daripada cari orang lain yang takda [tiada] nama.

**HH : Betul.**

**EA : Haa [mengiyakan]. Dia kalau tak [tidak] berkesan “ini Abon punya”, Abon dalam dunia saya je [sahaja] seorang.**

**HH : (Ketawa), betul takda [tiada] dah [sudah] Abon lain (ketawa).**

**EA : Haa [mengiyakan] ada lagi?**

**HH : Hmm [mengiyakan] Dyana?**

**ND : Haa [tanda setuju] Saya? Okay [baiklah].**

## **TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

**ND : Soalan seterusnya untuk Encik Abon lah kan [dialek]. Kita nak dengar cerita pasal [ tentang] latar belakang Encik Abon punya pendidikan?**

**EA : Saya darjah satu di Sekolah Kampung Bagan Batu di Johor Bharu darjah enam**

[1], darjah dua [2] sampai lah [dialek] saya darjah enam [6] di Sekolah Rendah Pekan Baharu Parit Yusof Muar Johor [bunyi ambulans]. Kemudian di sekolah menengah sampai lah di tingkatan tiga [3] di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Baharu Parit Yusof [bunyi ambulans]. Tingkatan empat [4] saya di Sekolah Menengah Seberang Batu Pahat Johor. Tingkatan 5 saya di sekolah menengah Padang Tembak Johor Bharu [bunyi bising] sampai lah [dialek] saya ambil SPM [Sijil Pendidikan Malaysia]. Lepas saya ambil SPM [Sijil Pendidikan Malaysia] saya dapat gred 3 lepastu [selepas itu] saya ambil kelas malam dekat [di] *Institute* [Institusi] Ibnu Sina kampung baru untuk saya ambil STP [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] tapi saya hantar borang kerja. Saya dapat kerja dekat Dewan Pustaka dan Bahasa, diorang [mereka] cakap “boleh kerja nanti sambil kerja boleh belajar”. Saya pun ambil lah [dialek] kerja bila saya dah kerja dah pegang duit saya dah lupa dah nak belajar. [bunyi gangguan internet] Saya dah sibuk dengan teater lagi lah [dialek] lupa nak belajar saya setakat SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] dulu SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] gred 3 lah [dialek]. Dapat gred 3 sebab saya dah \_ \_ \_ saya akan ambil sebab saya dah ambil kelas malam tapi orang cakap “takpa [tidak mengapa] buat apa ambil kelas malam kerja dulu yang sekolah ini bila-bila boleh ambil”. Kerja kalau tak [tidak] ambil harini [hari ini] nanti belum tentu dapat kerja lain, jadi saya ambil kerja dulu kemudian baru saya \_ \_ ambil belajar. Lepastu [selepas itu] saya dapat \_ \_ duduk dekat [di] bahagian perpustakaan. Saya senang dapat buku-buku rujukan tapi bila saya terlibat dengan teater benda ini saya lupa lah [dialek]

semua.

**NK : Semakin busy [sibuk]?**

EA : Lupa, haa [mengiyakan tanda setuju] tapi bagaimana pun walaupun saya SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] boleh dapat pangkat tiga [3]. Saya masih lagi boleh mengajar guru-guru di maktab perguruan di ilmuwan, maktab perguruan ilmu \_ \_ mengajar teater diorang [mereka] selepas saya ada sijil daripada group teater Ohanashi Darivian di Tokyo, Jepun. Pada saya itu sudah memadai lah [dialek] untuk saya apa pegang sebagai untuk menimba ilmu pengetahuan sambil bekerja walaupun saya tak [tidak] ambil STP (Sijil Tinggi Persekutuan). Niat saya memang nak ambil *U* [universiti] tapi setakat itu sahaja saya boleh lepas.

**ND : Okay sekolah itu kan, dalam banyak-banyak sekolah itu yang mana paling Encik Abon rasa kenangan manis paling banyak?**

EA : Saya Sekolah Rendah Kebangsaan, Pekan Baru Parit Yusof Muar. Di situ saya mengasah bakat saya bercakap jawa \_ jawa, kenal hati budi, kenal budaya, makan apa.

**ND : Lebih banyak kemahiran lah kat [di] situ?**

EA : Haa [tanda setuju] saya dah mula dah berkecimpung kat [di] situ [suara bising]. Jadi saya dah orang kata *basic* [dasar] untuk saya \_ jawa. Cakap jawa dalam saya punya *career* [kerjaya] itu saya dah bina daripada sekolah rendah kebangsaan

dengan sekolah menengah kebangsaan walaupun saya tak [tidak] faham saya tak [tidak] berapa fasih bahasa jawa tapi saya punya *trademark* [tanda dagangan] saya “abon wak jawa”.

**HH : Moto hidup lah [dialek] itu kiranya?**

EA : Haa [tanda setuju]. [Ketawa]

**ND : Kiranya, dah sebatи jadi motto hidup lah [dialek bertanya]?**

EA : Haa [mengiyakan tanda setuju] walaupun saya dah boleh cakap jawa itu msalahnya tapi kalau dia dah mai [datang] \_ jawa saya lebih daripada orang jawa sebab kita dah berkarya masa itu.

**ND : Tapi Encik Abon berasal daripada mana sebenarnya?**

EA : Saya Melaka.

**HH : Banyak berhijrah lah ini Melaka ke Johor?**

EA : Daripada Johor pergi ke Muar, Muar pergi Melaka, Melaka pergi ke Kuala Lumpur merata lah [dialek]. Itulah kalau anak polis anak askar memang macam itu lah [dialek]. Pengalaman mengajar saya lah [dialek].

### TAMAT BAHAGIAN 3

#### **BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN DAN PENGANUGERAHAN**

**ND : Saya nak [ingin] tanya pasal [tentang] pencapaian dengan penganugerahan dan sumbangan?**

**EA : Alhamdulillah saya ada dua [2], satu yang pencapaian saya menjuarai juara Maharaja Lawak Mega 2011 kemudian saya di anugerahkan Bintang Cemerlang Melaka (BCM) oleh T.Y.T [Tuan Yang Terutama] masa itu Tun Khalil Yaakob Tuan Yang Terutama negeri Melaka menganugerahkan pingat dan menganugerahkan Bintang Cemerlang Melaka (BCM).**

**ND : Kiranya, pengiktirafan itu daripada orang besar-besar [orang berpangkat tinggi] lah [dialek]?**

**EA : Pengiktirafan daripada kerajaan negeri Melaka daripada T.Y.T [Tuan Yang Utama] di negeri Melaka T.Y.T [Tuan Yang Utama] ini kalau di tempat saya \_\_ \_\_ Tuan Yang Terutama di negeri Melaka masa itu Tun Khalil Yaakob. Ketua Menteri dia Dato' Sri Ali Rustam dan T.Y.T sekarang.**

**NK : Menurut Encik Abon lah kan dapat anugerah itu kan, anugerah mana yang paling bermakna bagi Encik Abon sepanjang *career* [kerjaya]?**

**EA : Bagi saya sebagai karier sebagai anak seni pencapaian saya menjuarai juara Maharaja Lawak Mega 2011 adalah kemuncak kejayaan saya sebagai anak seni. Sebagai sumbangan saya anak Melaka, sebagai anak Melaka saya mencurah bakti di negeri saya di tanah tumpah darah saya pencapaian yang paling**

bermakna itulah dia anugerah Bintang Cemerlang Melaka dan ini bukan dia anugerahkan senang-senang begitu sahaja dia tengok pencapaian kita. Kalau pencapaian kita mempromosikan Melaka dalam kita mempromosikan negeri Melaka dalam kita menceritakan tentang negeri Melaka di khalayak kemudian program, program Dewan Bahasa cara penyediaan sebuah buku saya bawa ke negeri Melaka yang di rasmikan oleh Tun sendiri dan dia pun tengok memang menarik sebab belum ada lagi pameran seumpama itu menerbitkan buku, cara-cara menerbitkan sebuah buku. Jadi saya bawa ke Melaka. Itu pencapaian dia tengok daripada saya punya pencapaian semasa dia anugerahkan saya Bintang Cemerlang Melaka (BCM).

**HH : Jadual Encik Abon ini agak padat juga kalau kami lihat. Jadi bagaimana Encik bahagikan masa antara keluarga dan kerjaya itu, macam mana penerimaan keluarga atau pun reaksi orang sekeliling?**

**EA : Okay [baiklah] diorang [mereka] masa saya sibuk memang saya lupa keluarga. Saya tidak boleh campurkan masa keluarga saya dengan kerja saya sebab saya akan berfikir kerja saya menggunakan akal fikiran. Kalau saya fikir kan orang rumah, isteri gini [begini] semua itu yang sorang [seorang] ini gini [begini] saya punya ikan lah, saya punya motor, apa itu moto air saya, air terjun saya memang saya takboleh [tidak boleh] nak fokus buat kerja. Jadi saya kena ketepikan diorang [mereka] itu dulu tapi sebelum saya pergi saya memang dah [sudah] letak lah [dialek] duit belanjanya berapa. Sekarang *online* je [ atas talian sahaja]**

masukkan duit *online* je [atas talian sahaja] takda [tiada] masalah cuma saya tak memikirkan sangat lah macam saya cakap tadi saya makan-makan terus keluar \_  
\_ \_ \_ \_ basuh pinggan orang rumah saya buat roti jadi kita kena bahagi masa tapi bila saya takde [tiada] *show* [persembahan] macam hari itu tiga [3] hari saya pergi ke Penang semata-mata *enjoy* [bersuka ria], saya pergi Penang bawa anak-anak makan nasi briyani. Saya ajak dia makan di Line Clear [nama kedai] pastu saya \_ \_ \_ ajak dia ke Ipoh ke Perak naik Gunung Jerai. Saya bermalam di Sungai Petani (Kedah) kemudian saya ke KL (Kuala Lumpur), tiga [3] hari saya jalan. Masa saya habiskan dengan diorang [mereka] sebab begini jangan takde [tiada].

**HH : Jadi kena ada lah [dialek] juga masa walaupun sibuk kan?**

**EA : Sebab macam ini jangan takde [tiada].**

**ND : Encik Abon ada muncul dalam pembikinan video muzik lagu ya sebelum ini?**

**EA : Ada, dalam satu video muzik lagu tengok lagu ‘terhangat di pasaran’, jantan ‘terhangat di pasaran’ yang dibuat oleh KRU.**

**ND : Boleh Encik Abon cerita sedikit bagaimana boleh berkolaborasi?**

**EA : Okay, yang muzik lagu itu Yusri ataupun Norman KRU rupanya dia dah perhati saya lama. Dia dah nampak saya lama kemudian dia bagitau [beritahu] saya dia**

nak ambil saya dalam muzik video klip dia dalam terhangat di pasaran jadi saya pun buat lah [dialek] video klip itu dengan Aznil lepas itu] meletop pulak video *gwiyomi* tau \_\_\_\_\_. *Gwiyomi* ini yang dahulu masa mula-mula keluar diorang [mereka] telefon minta saya buat satu video *gwiyomi* untuk ditengok berapa ramai orang *tweet* saya atau pun berapa ramai orang boleh *follow* [ikuti] saya dengan *gwiyomi* ini. Saya dengan arwah siapa yang dj radio siapa nama dia, saya dengan kakitangan dia lah dengan dj tengok siapa paling banyak dapat *follower* [pengikut]. Saya dapat lebih dri pada seratus ribu [100,000] eh lebih dari lima puluh ribu [50,000] saya dapat sebab dia nak pilih antara ini lah nak jadi dj radio ‘Hot FM’. Sebelum ajak masuk dia nak tengok saya lah tapi bila kita bincang pasal [tentang] gaji dia kata tak dia keluar belum ada keperluan dia takde [tiada] bajet. Jadi dua [2] video klip saya satu yang serious [serius] lah yang lain-lain biasa je [sahaja] videonya [bunyi bising kereta] ada lagi?

**ND : Ada dekat *Youtube* lah nanti saya cari?**

EA : Cari di *Youtube* sahaja ‘Abon gwiyomi’ boleh dapat semua itu nanti awak boleh jumpa dan tengok. yang satu lagi ‘terhangat dipasaran’ KRU itu pun boleh dapat. [ketawa]. Dah tengok dah? Dapat?

**ND : Tak tengok lagi nanti habis sesi saya terus tengok**

EA : Haa okay [tanda setuju]. Okay ada lagi?

#### **TAMAT BAHAGIAN 4**

## **BAHAGIAN 5: PENDAPAT/ PANDANGAN/ NASIHAT**

**HH : Apa pendapat Encik Abon dengan generasi sekarang yang mungkin nak bidang ini, contoh macam yang terbaru sekarang ada program di Astro ‘Mencari Sepahtu Yang Hilang’. Apa pendapat atau nasihat untuk generasi muda yang berminat nak menyertai?**

**EA : Saya kalau program orang ini tak [tidak] boleh sentuh sebab saya tak [tidak] campur tapi bila saya tengok dari sepahtu yang hilang ini sebagai satu *gaming* [permainan] je [sahaja]. Sebenarnya balik-balik orang itu juga, balik-balik orang itu juga. Keduanya orang ini nak cari *glamour* [terkenal] nak tempah nama sebab itu orang sanggup buat apa sahaja sedang kan ilmu takda [tiada], *knowledge* [pengetahuan] takda [tiada], bakat takda [tiada] tapi cuma berani kan diri untuk masuk. Bila dah masuk kita nampak dia ini tidak bersedia dan dia ini tidak tahu apa yang dia nak buat. Saya nak nasihatkan diorang [mereka] ini pertama kena banyak membaca. Kedua dia kena ada *knowledge* [pengetahuan] sebab dia akan bercerita di atas pentas untuk berkongsi dengan orang lebih-lebih lagi kalau sekarang dia cedok [ambil] dekat *Youtube* je [sahaja]. Lawak-lawak cedok [ambil] ni orang dah dengar dua [2] kali, tiga [3] kali orang dah taknak [tidak mahu] dah. Lepastu [selepas itu] buat mimik suara orang ini buat suara Datuk Najib yang ini buat ‘suara bosku’. Maknanya dia dah takda [tiada] idea hilang identiti dia sebagai seorang pelawak.**

**HH : Kiranya orang menceburि bidang ini lebih memilih untuk *glamour***

**[terkenal] lah [dialek]?**

EA : *Glamour* [terkenal] dan cari nama kalau dah takda [tiada] kalau dia bukan masuk bertanding pun dia buat video juga tapi video syok sendiri. Dia buat benda yang tak [tidak] masuk akal untuk cari *view* [tontonan] orang. Tengok dalam tiktok tengok dia buat macam mana pasal takde [tiada] apa pun dia berseloroh. Budak-budak ini dia rasa macam dia kelakar tapi entah lah nak kata mcm mana pun taktahu [tidak tahu]. Ada minat masing-masing takpelah [tidak apa lah] lagi lah ada mencari sepahtu hilang ini ada memang ada peluang lah untuk dia masuk. Dia cuba pun takpe [tidak mengapa] dah janji dia cuba. Kalau kalau dia masuk untuk dia menjadikan karier dia kena banyak lagi, banyak ambil tahu lain.

ND : **Jadi untuk Encik Abon sendiri kenapa pentingnya generasi muda ini perlu kekalkan warisan bidang seni?**

EA : *Okay* [baiklah] orang muda ini kita menaruh harapan kepada dia kerana dia adalah pelapis. Dia lah yang akan meneruskan impian kita kalau tidak pun dia akan menjaga warisan bangsa kita, warisan budaya kita dalam warisan seni dan dia mempunyai idea-idea yang lagi bagus, dia lagi moden, dia lagi banyak tahu. Sekarang ini dunia tanpa sempadan dia dapat tahu daripada luar, dia dapat membezakan budaya kita, dia dapat menaikkan lagi imej kita di mata org ramai. Kalau macam kami ini kita dah berkarya dulu kita dah orang menjaga orang dulu punya, punya seni budaya sekarang ini kita kena *pass baton* [serahkan

baton] kepada orang muda pula lah menjaga dengan acuan dia sendiri dengan acuan orang muda dengan pemikiran orang muda mungkin ada perbezaan. Kalau kita orang lama kita takboleh [tidak boleh] berbangga dengan “aku makan garam”, takboleh [tidak boleh] kerana masing-masing ada kehebatan masing-masing ada kelebihan masing-masing. Kalau kita kurang dia tambah, kalau kita kurang dia akan modenkan dia akan menjadikan benda itu sebagai satu benda yang berharga. Ini kita nak sentuhan-sentuhan orang muda sebab dia adalah pelapis kami yang mewarisi khazanah kita.

- HH : **Jadi kiranya semua orang boleh ceburi bidang ini tetapi kena ada ilmu dan banyak membaca lah [dialek] kan?**
- EA : Ya, kena ada ilmu banyak membaca dengan minat.
- HH : **Haa [mengiyakan] minat yang penting berani untuk cuba?**
- EA : Haa [tanda setuju].
- HH : **Last [terakhir] sekali Encik Abon siapa idola?**
- EA : Idola saya ni pelik saya kalau idola hidup ini tak [tidak] jumpa lah [dialek] tapi kalau idola saya. Idola saya ini adalah dalam bidang lakonan sebab nyanyian ini saya tidak ada pasal tak [tidak] minat menyanyi. Kalau lakonan ini idola saya Allahyarham Nordin Ahmad.

**HH : Siapa sekali lagi?**

EA : Allahyarham Nordin Ahmad.

**HH : Kenapa jadikan dia sebagai idola?**

EA : *Okay [baiklah] dia ini kalau bidang lakonan dia kita kena fokus bidang lakonan sahaja dan kita akan memajukan bidang lakonan kita, akan perbaiki bidang lakonan kita. Kita taksub dengan lakonan kita, kita pegang pada yang satu kita lupakan yang lain. Kalau macam Allahyarham P. Ramlee dia serba boleh dia berlakon, dia menyanyi, main piano, main alat muzik, menari boleh, pengarah, penulis skrip. Pada saya ini macam satu doktor, doktor klinik yang general [umum]. Kalau kita pergi klinik, klinik swasta dia general [umum] apa sahaja apa sahaja pun dia boleh buat tapi kalau kita doktor pakar mata dia jumpa pakar mata sahaja dia takde [tidak ada] jumpa orang lain, kalau pakar tekak dia ada tiga [3] E-N-T. Jadi ini sekarang ini dia tidak ada kalau batal dia tidak tahu kalau orang lupa ke orang asthma, orang darah tinggi, kencing manis, lemah jantung dia takboleh [ tidak boleh] tahu. Dia tahu E-N-T sekat hidup lurus sebab itu dia ada pakar dia sendiri. Kalau klinik swasta pergi klinik semua dia tahu. Kita nak pakar *specialist* satu doktor *specialist* [pakar] macam-macam P. Ramlee bagus bukan tak [tidak] bagus tapi dia general [umum] dia, dia doktor semua benda dia buat. Nordin Ahmad dia tak [tidak] boleh menyanyi. Nordin Ahmad tak [tidak] pandai main muzik tapi lakonan dia tinggi ilmu dia. Saya kagum dengan dia lah kita ada fokus macam kata dekat UiTM (Universiti*

Teknologi MARA) *you* [awak] belajar kalau kata belajar bahagian *business* [perniagaan] dia tak [tidak] ajar pelancongan, dia tak [tidak] ajar akaun, dia fokus pada, jurusan yang kita ambil. Apa kos yang kita ambil \_\_\_\_\_ sebab kita masa sekolah rendah dulu masa di sekolah dia caca marba sains, apa itu Bahasa Malaysia dia tidak ada fokus. Bila masuk *U* [universiti] dia ada fokus satu je [sahaja] subjek, dia tidak ada pengkhususan maksud saya.

**ND : Encik ingat lagi tak filem-filem yang dilakukan?**

EA : Filem saya ingat tapi tahun nya saya tak berapa ingat. Mula-mula filem pertama saya ‘Riang Tirana’. Filem ‘Riang Tirana’ mula-mula saya berlakon dan saya kenal Erma Fatima, saya kenal Raja Azura, saya kenal Badrul Muhayat. Pada zaman-zaman itulah cerita budak kolej

**ND : 1990?**

EA : Haa [tanda setuju] 19 haa [tanda setuju] betul 90. Cerita kisah budak kolej ceritakan sketsa budak kolej kemudian saya belakon cerita filem panas jadi filem panas boleh *Google* lah dan tengok tahun berapa siapa arahan dia. Filem panas ni filem berat sebab saya menjadi orang kata “lalang” lah sebelah sana saya makan sebelah sini pun saya makan itu karakter dia. Kemudian belakon filem ‘Momok’, ‘Momok The Movie’. ‘Momok’ pertama, ‘momok’ kedua pun saya ada belakon kemudian last [akhir] sekali ‘O-M-K, Oh Mak Kau’.

**ND : Jadi Pak Maun kan?**

EA : Haa [tanda setuju] jadi Pak Maun, jadi tapi saya satu lagi cerita dia ‘No problem’. ‘No problem’ dengan Zul Al Yahya, Maya Karin dengan Pak Uda Zami dengan Syamsul Ghau Ghau, itu Danny Expector. Itu pencalonan saya *top five* [5] filem komedi terbaik, pelakon filem komedi terbaik saya terpilih *top five* [5]. Nanti kalau ada yang tak jelas pukul enam [6] sampai pukul tujuh [7] saya *free* [lapang] lagi. Satu [1] jam sebelumnya saya naik bot. saya jadi pengacara atas bot *VIP*, kalau nak tengok saya nak *view* [pemandangan] kan pun boleh jugak video kita hantar pun boleh juga macam mana kerja saya atas bot *VIP* menghiburkan orang atas bot di sungai melaka sambil menyusur sungai melaka sambil makan di atas bot sambil dihibur saya sebagai pengacara. Itulah kerja saya di Sungai Melaka.

**ND : Dekat FB [*Facebook*] ke *Youtube*?**

EA : Bukan, nanti saya akan hantar dekat *Facebook* pun boleh juga, “Abon Artis” pun boleh juga. Tengok saya punya video atas pentas, kalau atas pentas dah biasa kalau atas bot saya ini baru tahun ini. Saya dah setahun dah buat *show* [persempahan] atas bot. Itu *show* [persempahan] saya atas bot jarang-jarang orang dapat lah, pelawak-pelawak lain jarang dapat macam saya buat pengacara komedi atas bot. Malam ini bersama dengan *staff* [pekerja] dan juga Exco Pelancongan Negeri Melaka yang Muhammad Jailani Khamis. Saya akan buat [persempahan] atas bot bersama dengan YB Jailani Khamis dekat negeri

Melaka. Ada lagi? Nanti kalau tak jelas nanti terus *call* [telefon] kita buat *video meeting* [video perjumpaan] macam gini [begini] pun tak apa mungkin saya tengah menunggu *staff* [pekerja] Melaka River Cruise dengan *staff tourism* [pekerja pelancongan] Melaka sampai sejam itu saya ada masa.

**ND : Sebelum naik kapal lah [dialek]?**

EA : Lepas itu saya \_ \_ \_ \_ enam [6] hingga tujuh [7] sejam saya ada masa tapi kalau pukul lima [5] smpai pukul enam [6] saya dekat AEON Big Melaka saya ada buat promosi untuk Melaka River Cruse lima [5] sampai pukul enam [6]. Itu nanti karang [sekejap lagi] saya boleh ambil kalau nak gambar, boleh gambar kalau nak saya buat *live* [siaran langsung] itu saya boleh buat *live* [siaran langsung] ataupun saya hantar video dekat *Whatsapp* dekat *Facebook*.

**ND : Selain *Whatsapp* Encik Abon ada platform sosial media lain ke?**

EA : Semua saya ada. Semua ada *Instagram* pun ada \_ *Tiktok* pun saya ada.

**HH *Instagram* nama apa?**

EA ‘Abon Artis’.

**ND *Youtube* ada?**

EA *Youtube*, kebanyakan saya punya program-program jelah [sahaja lah] *Youtube* ada. Nanti kita tengok sampai dekat sampai dekat AEON Big nanti masa saya

buat promosi bila *part* [bahagian] saya nanti saya tangkap. Lima [5] dengan enam [6] saya dekat atas pentas lagi \_\_\_\_\_. Lima [5] dengan enam [6] saya dekat AEON Big Melaka River Cruise. Enam [6] sampai tujuh [7] saya dekat Taman Rebah buat persiapan untuk buat persembahan di Melaka River Cruise sampai \_

**ND : InshaAllah kalau kita ada soalan lagi nanti kita *contact* [hubungi] Encik Abon?**

**EA : Lima [5] (merujuk jam 5 petang) dengan enam [6] (merujuk jam 5 petang) saya dekat . . .**

**ND : Boleh saya teruskan ke penutup?**

**EA : Okay [baiklah].**

## **TAMAT BAHAGIAN 5**

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang seni bersama Encik Abon. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni hiburan pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

## RUJUKAN

- Elrafaei Sapi. (2017, Mac 8). Sumbangan 10 Selebriti Tempatan Ini Menjadi Kebanggaan pada Malaysia. Retrieved from Gempak.com. <https://gempak.com/rojakdaily/lifestyle/ARTIS - Definisi artis dalam kamus Melayu>. (2021). Retrieved from Educalingo.com. <https://educalingo.com/ms/dic-ms/artis>
- Dasar Industri Kreatif Negara*. (2020). Retrieved from Kkmm.gov.my. <https://www.kkmm.gov.my/pdf/Dasar/dikn.pdf>
- Mahadi J. Murat. (2006). Filem Melayu, Filem Malaysia - Di Mana Kita? Kertas pembentang di majlis Dialog Budaya Popular Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia,
- Magi, Suhami & Mapjabil, Jabil & Arus, Baharuddin & Sareya, Rosli & Razali, Datu & Datu Eranza, Datu Razali & Min, Min. (2020). Impak, Cabaran Dan Inisiatif Penggiat Seni Persembahan Sepanjang Tempoh Pandemik Covid-19 (Impact, Challenges, and Initiative Performing Art Activist During the Period of COVID-19 Pandemic). 5. 74-82.
- Mustaqim Abdullah & Maizatul Haizan Mahbob. (2017). Pengaruh Golongan Selebriti Di Laman Sosial Terhadap Gaya Hidup Hedonis Golongan Belia Di Lembah Klang. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1). <https://spaj.ukm.my>
- Mohamad Kamal Bin Aziz. (2016). *KRITIKAN SENI DARI PERSPEKTIF SOSIO BUDAYA DI MALAYSIA*. <http://studentsrepo.um.edu.my/6733/1/kamal.pdf>
- Nur Asyikin Mayudin. (2018, May 31). *Selebriti beri sumbangan untuk Tabung Harapan Malaysia*. Retrieved from Mstar.com.my. <https://www.mstar.com.my/spotlight/>
- Pusat Kajian Sejarah Lisan, Definisi Sejarah Lisan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). (2020). Retrieved from <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>.
- Ridzuan Abdul Rahman. (2020, February 8). “*Lawak kena pandai kawal*” - Abon. *Harian Metro*; *New Straits Times*. <https://www.hmetro.com.my/rap/2020/02/542632/>
- Syed Alwi Syed Abu Bakar. (2017). Faktor-faktor yang mempengaruhi proses penghasilan karya dalam kalangan pengarca muda di Malaysia [The influence of the environment

on the process of producing works among young Malaysian sculptors]. Tesis PhD (tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

# **LAMPIRAN**

## LOG WAWANCARA

Siti Nur Hadiyal Huda binti Azmi dan Nur Dyana binti Mokhtar menemubual Encik Sharizan bin Ahmad atau lebih dikenali sebagai Abon, lahir 8 Ogos 1960 merupakan seorang pelawak dan pelakon terkenal di Malaysia. Temubual dijalankan melalui aplikasi dalam talian iaitu *Google Meet* untuk menemubual mengenai pengalaman beliau sebagai seorang pelakon dalam tahun 1990-an hingga kini. Ketika temubual dijalankan, beliau berada di dalam kereta dalam perjalanan menuju ke tempat persembahan di Melaka.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
0.00	Ucapan pembuka sesi tembual bahagian 1  - Ucapan menerangkan nama tokoh, tarikh, masa, lokasi, nama penemubual.	- Encik Abon  - Tokoh Seniman  - Nur Dyana  - Siti Nur Hadiyal Huda
1.35	Latar Belakang Peribadi Tokoh	- Sharizan ahmad  - 61 tahun  - adik beradik 8, anak yang keempat  - Bapa seorang tentera  - Anak 4 orang
14.00	Latar Belakang Pendidikan Tokoh	- Sijil Pelajaran Malaysia  - STPM tapi separuh jalan

4.00	Kerjaya sebelum menjadi artis	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dewan Bahasa dan Pustaka</li> <li>- Teater</li> <li>- Kerani di pejabat dewan Bahasa dan Pustaka</li> <li>- Maskot Nuri</li> </ul>
11.49	Tentang isteri tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Isteri juga bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka</li> <li>- bahagian kewangan</li> <li>- Business roti sarang lebah Abon</li> </ul>
12.40	Kerjaya sebelum keluar bidang seni	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Selepas menang dipinggirkan</li> <li>- Tiada panggilan dari stesen televisyen</li> </ul>
25.15	Kenangan pahit dan manis sepanjang karier	<ul style="list-style-type: none"> <li>- menujarai maharajalawak mega</li> <li>- kenangan pahit eksiden dalam perjalanan ke persembahan</li> <li>- mata tak boleh buka</li> <li>- kawan juga ada masalah kesihatan</li> <li>- kawan sakit tekak</li> <li>- Warded selepas persembahan</li> </ul>
40.49	Kerjaya semasa	<ul style="list-style-type: none"> <li>- terlibat dengan perniagaan</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- perniagaan roti</li> <li>- produk kesihatan makanan kesihatan “stevia d’care”</li> <li>- minyak terapi cayaku cayalu</li> <li>- produk sengal-sengal sendi</li> </ul>
43.28	Latar belakang sambungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- SK Kampung Bagan Batu Johor Bahru</li> <li>- Darjah 6 SK Pekan Baru Parit Yusof Johor</li> <li>- Tingkatan 1 hingga 3 di SMK Pekan Baru Parit Yusof</li> <li>- Tingkatan 4 hingga SPM DI SMK Padang Tembak Johor Bahru</li> <li>- SPM gred 3</li> <li>- Sambil kerja</li> <li>- Sijil group teater di Tokyo Jepun</li> </ul>
49.23	Pencapaian/Penganugerahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Juara maharajalawak mega 2011</li> <li>- Bintang Cemerlang Melaka (BMC)</li> <li>- Kumpulan Osbon</li> </ul>
57.25	Tentang video muzik lagu	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Lagu Terhangat Dipasaran</li> <li>- Oleh KRU</li> </ul>
1.01.12	Pendapat/ Pandangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kena ada knowledge</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Banyak membaca</li> <li>- Berani</li> <li>- Golongan muda yang seterusnya adalah pelapis</li> </ul>
1.06.40	Idola kepada tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Nordin Ahmad</li> <li>- Minat kerana beliau hanya fokus bidang lakonan</li> <li>- Belia tidak pandai menyanyi</li> <li>- Lakonan yang sangat bagus</li> <li>- Kagum dengan lakonan beliau</li> </ul>
1.11.05	Antara penampilan tokoh di filem	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Riang Tirana</li> <li>- Cerita budak kolej</li> <li>- MOMOK semua musim</li> <li>- OMK (Oh Mak Kau) watak pak maun.</li> <li>- No problem</li> </ul>
1.17.50	Platform media massa	<ul style="list-style-type: none"> <li>- YouTube</li> <li>- Instagram “abon artis”</li> <li>- Facebook</li> <li>- Tiktok juga ada</li> </ul>

		- WhatsApp
--	--	------------

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
2.30 petang	14 Oktober 2021	Pengenalan tema bagi Sejarah Lisan Semester 5 21/22	
4.00 petang	15 Oktober 2021	Pembentukan kumpulan (Sejarah Lisan)	Pembentukan Kumpulan (Dyana & Huda)
2.00 petang	21 Oktober 2021	Pemilihan tema bagi sejarah lisan Semester 5 21/22	Memilih untuk membuat sejarah lisan di bawah tema Seniman
9.30 malam	21 Oktober 2021	Perbincangan mengenai tajuk yang telah dipilih	Memilih tajuk Seniman dan diterima
3.00 petang	28 Oktober 2021	Perbincangan bersama pensyarah	Tentang tokoh seniman yang dipilih
10.00 pagi	1 November 2021	Menghubungi beberapa tokoh untuk di temu ramah melalui platform instagram	Belum ada maklum balas
11.00 pagi	3 November 2021	Menghubungi beberapa tokoh untuk di temu ramah melalui platform Instagram, WhatsApp,	Belum ada maklum balas

		Messenger	
8.00 pagi	10 November 2021	Mendapat maklum balas daripada pihak yang ditemu ramah namun belum dapat kepastian sepenuhnya	Menunggu keputusan yang pasti daripada pihak yang ditemu ramah
10.00 malam	11 November 2021	Mendapat maklum balas daripada yang ditemu ramah	Pihak yang ditemu ramah telah bersetuju untuk melakukan sesi temu ramah
9.00 pagi	12 November 2021	Membuat soalan	
4.00 malam	19 November 2021	Temu ramah bersama tokoh dibatalkan	Tokoh mempunyai jadual lain
6.00 petang	26 November 2021	Pertukaran tokoh seniman	Mendapat tokoh baru
5.00 petang	27 November 2021	Penetapan tarikh temu ramah bersama tokoh	Berbincang tarikh sesuai bersama tokoh untuk memudahkan urusan masing-masing

2.30 petang	1 December 2021	Temu ramah dijalankan seperti tarikh yang ditetapkan bersama tokoh	Melalui platform yang sesuai
2.00 petang	13 December 2021	Konsultasi bersama pensyarah mengenai transkrip	
9.00 pagi	2 January 2022	Buat proses transkrip	
11.00 malam	10 January 2022	Transkrip penuh siap	Selesai

# **SENARAI SOALAN**

## **1. LATAR BELAKANG**

### **1.1 Latar Belakang Peribadi**

1. Bolehkah kami tahu nama penuh Encik?
2. Berapakah umur Encik pada tahun ini?
3. Encik berasal/tempat lahir di mana?
4. Bilakah tarikh lahir Encik?
5. Bagaimanakah Encik mendapatkan nama panggilan tersebut?
6. Mengapakah nama panggilan itu diberikan kepada Encik?
7. Bolehkah ceritakan asal usul keluarga Encik?
8. Siapakah nama ibu dan bapa Encik?
9. Apakah kerjaya ibu dan bapa Encik?
10. Berapakah bilangan adik-beradik Encik?
11. Adakah adik-beradik Encik turut terlibat dalam bidang yang sama? Kalau ada, berapa orang yang terlibat?
12. Apakah nama isteri Encik?
13. Bagaimanakah kisah perkenalan Encik dan isteri?
14. Apakah kerjaya isteri Encik?
15. Berapakah bilangan anak Encik?
16. Siapakah nama anak Encik?
17. Apakah kerjaya anak Encik?
18. Adakah anak-anak turut meminati bidang yang Encik ceburi/minati? Kalau ada, berapa orang yang terlibat?
19. Apakah cita-cita Encik sewaktu kecil selain daripada bidang ini?
20. Adakah jadual harian Encik sentiasa padat?
21. Bagaimanakah Encik membahagikan masa untuk bersama keluarga dan kerjaya?
22. Jika ada masa terluang, apakah aktiviti yang dilakukan bersama keluarga?
23. Apakah hobi /aktiviti yang Encik gemar lakukan pada waktu lapang?

24. Mengapakah Encik memilih aktiviti tersebut sebagai hobi?
25. Apakah moto hidup Encik?

### 1.2 Latar Belakang Pendidikan

26. Dimanakah sekolah rendah Encik?
27. Apakah nama sekolah rendah Encik?
28. Tahun bilakah Encik memulakan persekolahan?
29. Tahun bilakah Encik menamatkan sekolah rendah?
30. Dimanakah sekolah menengah Encik?
31. Apakah nama sekolah menengah Encik?
32. Tahun bilakah Encik memulakan persekolahan?
33. Tahun bilakah Encik menamatkan sekolah menengah?
34. Tahun bilakah Encik memulakan pengajian peringkat tinggi?
35. Tahun bilakah Encik menamatkan pengajian?
36. Dimanakah pengajian peringkat tinggi Encik?
37. Apakah bidang pelajaran Encik?
38. Adakah Encik memilih bidang tersebut berdasarkan minat atau ditawarkan?
39. Dimanakah sekolah atau tempat pengajian yang paling disukai oleh Encik?

## 2. KERJAYA

### 2.1 Pengalaman Pekerjaan

Sebelum:

40. Apakah pekerjaan pertama diceburi oleh Encik selepas tamat pengajian?
41. Apakah nama syarikat yang mula-mula Encik bekerja?
42. Apakah jawatan yang disandang sewaktu bekerja dalam bidang tersebut?
43. Dimanakah pekerjaan selepas tamat pengajian (tempat, negeri)?
44. Apakah tugas semasa Encik bekerja di tempat tersebut?
45. Berapa lamakah Encik bekerja dalam bidang tersebut?
46. Berapakah gaji yang diterima semasa mula-mula bekerja dalam bidang tersebut?

47. Memandangkan Encik bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka, adakah Encik pernah menyertai pementasan teater?
48. Apakah tajuk pementasan teater Encik?
49. Mengapakah Encik menarik diri dari bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka?
50. Bagaimanakah permulaan bidang seni Encik?
51. Bagaimanakah penerimaan keluarga apabila Encik menceburi bidang seni hiburan?
52. Adakah Encik masih ingat tahun berapakah memulakan bidang seni?
53. Apakah cabaran sepanjang menjadi seorang artis?
54. Bagaimanakah Encik menghadapi cabaran tersebut?
55. Apakah pengalaman manis yang tidak dapat dilupakan sebagai artis?
56. Apakah pengalaman pahit Encik dalam bidang industri?
57. Siapakah artis yang bergandingan dengan Encik di atas pentas lawak?
58. Adakah Encik masih ingat persembahan pertama yang dilakukan di pentas?
59. Apakah perkara terburuk yang pernah terjadi di lokasi penggambaran?
60. Siapakah artis yang paling Encik berminat untuk bekerjasama?
61. Adakah Encik selesa digandingkan dengan artis yang tidak dikenali?
62. Bagaimanakah Encik mendapatkan inspirasi atau idea ketika membuat persembahan?

Semasa:

63. Adakah Encik mempunyai perniagaan?
64. Apakah nama perniagaan Encik?
65. Mengapakah Encik ingin menceburi bidang perniagaan?
66. Boleh Encik ceritakan sedikit tentang produk tersebut?
67. Mengapakah Encik membuat keputusan untuk mengeluarkan produk tersebut?
68. Bagaimanakah sambutan peminat terhadap produk keluaran Encik?
69. Sudah berapa lama Encik memulakan perniagaan tersebut?
70. Adakah perniagaan lain selain produk tersebut?
71. Bagaimanakah Encik memasarkan produk perniagaan tersebut?

72. Adakah Encik pernah terlibat dalam bidang nyanyian?
73. Pada pendapat Encik, mengapakah mereka memilih Encik untuk bekerjasama?
74. Bagaimanakah peminat dapat melihat atau menonton video nyanyian Encik?
75. Bagaimanakah sambutan terhadap video nyanyian Encik?
76. Adakah Encik pernah menceburi bidang filem?
77. Apakah filem pertama Encik?
78. Bolehkah Encik ceritakan tajuk filem yang pernah dilakukan?
79. Apakah watak pertama yang dilakukan?
80. Siapakah artis pertama yang pernah bergandingan bersama dalam filem tersebut?
81. Tahun berapakah Encik mula menceburi bidang filem?
82. Apakah genre filem tersebut?
83. Adakah Encik mempunyai platform media sosial?
84. Apakah program terbaru Encik buat masa sekarang?
85. Apakah perancangan Encik dalam bidang seni hiburan?
86. Siapakah yang paling banyak menyokong perjalanan Encik dalam bidang ini?

### **3. PENDAPAT/ PANDANGAN/ NASIHAT**

87. Apakah pendapat Encik terhadap generasi muda yang hendak menyertai program realiti untuk memasuki bidang seni?
88. Apakah nasihat Encik kepada generasi muda yang ingin menceburi bidang seni?
89. Pada pendapat Encik, mengapakah ramai generasi muda ingin menceburi bidang seni?
90. Apakah harapan Encik terhadap generasi muda yang ingin menceburi bidang ini?
91. Mengapakah penting untuk generasi muda kekalkan warisan bidang seni hiburan?
92. Siapakah idola Encik?

93. Mengapakah Encik menjadikannya sebagai idola?

#### **4. PENCAPAIAN DAN PENGANUGERAHAN**

94. Boleh Encik ceritakan apakah pencapaian yang pernah dicapai sepanjang bergelar artis?

95. Boleh Encik ceritakan perasaan ketika dipilih untuk memegang anugerah itu?

96. Berapakah anugerah yang telah dimiliki oleh encik?

97. Apakah nama kumpulan Encik semasa menyertai program Maharajalawak?

98. Apakah pencapaian lain yang pernah dicapai selain dalam bidang seni?

99. Menurut Encik, apakah anugerah yang paling bermakna yang telah dikehapi?

100. Apakah anugerah atau pencapaian yang paling bermakna bagi Encik?

# SURAT PERJANJIAN



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya, **NUR DYANA BINTI MOKHTAR** \_\_\_\_\_

K/P: ..... pada ..... 1 DISEMBER 2021 ..... dengan ini  
bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan  
Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

Nama peserta kajian:

Tarikh:

Pensyarah: Nor kamariah Bt Chik

b.p.Dekan

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA.



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN**

Saya, **SITI NUR HADYAL HUDA BINTI AZMI**  
K/P: ..... pada ..... **1 DISEMBER 2021** dengan ini  
berseluju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan  
Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.

Nama peserta kajian:  
Tarikh:

Pensyarah: Nor kamariah Bt Chik  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA.

## GAMBAR



Gambar 1: Ahli keluarga Encik Abon.



Gambar 2: Encik Abon bersama produk perniagaannya ‘Roti Abon’.



Gambar 3: Encik Abon bersama produk makanan kesihatan keluarannya iaitu ‘Stevia’.



Gambar 4: Encik Abon bersama Arwah Os ketika menjuarai program Maharaja Lawak Mega pada tahun 2011.



Gambar 5: Temubual bersama Encik Abon di platform *Google Meet*.

# **INDEKS**

## **A**

Abon 1, 2, 10, 11, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 21, 28, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 41, 44, 45

Astro 11, 12, 25, 26, 38

Anugerah 7, 34, 35, 53, 64

## **B**

Bintang Cemerlang Melaka 34, 35

Berlakon 15, 16, 20, 21, 41, 42

Budaya 21, 32, 40

## **D**

Dewan Bahasa dan Pustaka 3, 4, 5, 7, 9, 26, 27

## **N**

Novel 4, 27  
Nasihat 22, 26, 38, 63, 64

## **O**

Osbon 10, 18, 53

## **P**

Pengalaman 1, 15, 18, 34, 50, 61, 62  
Pertama 1, 2, 5, 15, 16, 18, 38, 42, 43, 61, 62, 63

Pelakon 16, 43, 50

Penggiat 4, 47

Pencapaian 7, 43, 35, 53, 64

Popular 3, 7, 10, 11, 12, 47

Pahit 15, 18, 20, 52, 62

## **F**

Filem 7, 12, 16, 42, 43

## **R**

Rezeki 11, 12, 24

Roti 9, 10, 28, 36

Radio 5, 11, 12, 37

Realiti 18, 63

**G**

Generasi 38, 39

**S**

Seni 1, 3, 4, 7, 10, 14, 28, 35, 39, 40, 45  
Seniman 1, 4, 50  
Sitkom 6, 15, 16  
Stevia 30, 52

**I**

Idola 41

**K**

Kerani 5  
Kuarters 4  
Kerajaan 4, 5, 34  
Komedi 14, 15, 16, 24, 43, 44

**T**

Tokoh 1, 50, 51, 54, 56, 57, 58  
Teater 5, 6, 7, 12, 31, 32

**L**

Lawak 13, 14, 20, 25, 27, 28, 38

**W**

Watak 3, 54, 63  
Warisan 39, 40, 64

**M**

Maharaja Lawak Mega 7, 11, 12, 15, 16, 18,  
25, 34, 35  
Makanan Kesihatan 29, 52  
Menjuarai 7, 16, 18, 34, 35  
Muzik 36, 37, 41, 42